



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

JMK 421 –KESUSASTERAAN DAN CEREKA SAINS

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Pilih dan jawab **EMPAT (4)** soalan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. Menurut Suvin, ‘fiksyen sains tercipta daripada pemerhatian empirical penulis, lalu pemerhatian ini diolah menjadi sebuah kerangka yang imaginatif tetapi terjaga walaupun terasing dengan realiti dunia sekarang’. Manakala Robert Scholes pula menyatakan bahawa ‘fiksyen sains ialah sebuah ‘dongengisasi’ (*fabulation*) yang tidak bersambung dengan realiti tetapi mempunyai sambungan kognitif (proses pemahaman) terhadap realiti’ dan Damien Broderick memberi maksud ‘fiksyen sains bercerita tentang *metonymic* (satu unsur yang mewakili separuh daripada unsur lain) dunia yang mementingkan objek daripada subjek’.

Berdasarkan pengertian di atas, nyatakan perbezaan antara cereka sains dengan cereka-cereka lain.

(25 markah)

2. “Dalam kealpaan kita bersaing memajukan bidang sains dan teknologi, kita sering terlupa akan kesan buruk yang timbul di sebalik perkembangan teknologi tersebut, ibarat kawan menjadi lawan”.

Dengan merujuk filem *Terminator* (1984), arahan James Cameron, bincangkan pernyataan tersebut.

(25 markah)

3. Dengan merujuk filem *Jurassic Park* (1993), arahan Steven Spielberg, **atau** *Dresanala II: Baladewa-X*, karya Nizam Zakaria, jelaskan bagaimana bidang sains boleh menjadikan bidang sastera sebagai medium untuk menyampaikan informasi.

(25 markah)

4. Berdasarkan contoh-contoh yang konkret daripada *Manikam Kalbu* karya Faizal Tehrani atau *Leksikon Ledang* karya Nor Azida Ishak dan Fadli Al-Akiti, terangkan impak kemajuan sains terhadap kehidupan secara tidak langsung.

(25 markah)

5. Dengan merujuk mana-mana 2 teks/karya dalam kursus ini, jelaskan bahawa bidang kesusasteraan tidak jumud, malah sesuai dengan semua bidang sains. Perbincangan anda perlulah dibuktikan dengan contoh-contoh yang terkandung dalam teks/karya yang telah anda pilih.

(25 markah)

6. Huraikan TIGA (3) dariapda yang berikut:

- (a) tema-tema utama dalam *Leksikon Ledang*
- (b) peranan *Terminator* dalam *The Terminator*
- (c) proses pengklonan DNA dalam *Jurasic Park*
- (d) latar dalam *Dresanala II: Baladewa-X*
- (e) kecintaan terhadap kegemilangan Melayu dalam dunia fesyen dan busana dalam *Manikam Kalbu*.

(25 markah)

-oooOooo -